



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
Y A Y A S A N
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	29/12/2018

'Tiada keperluan rombak Kabinet'

BH - 29/12/2018 m/s: 4

➔ PM beri
peluang
kepada
menteri
tingkat
prestasi

Oleh Kadir Dikoh
kadiro@nstp.com.my

► Putrajaya

Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, tiada keperluan untuk merombak Kabinet dalam tempoh terdekat.

"Tidak ada rombakan Kabinet kerana kita bagi peluang untuk mereka (menteri) meningkatkan prestasi mereka," katanya.

Perdana Menteri, yang juga Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU) berkata demikian, semalam ketika ditanya sama ada Kabinet bakal dirombak selepas

berakhirnya Perhimpunan Agung parti itu.

Dr Mahathir bagaimanapun berkata, adalah tidak adil untuk membuat perbandingan prestasi Menteri dalam kerajaan Pakatan Harapan (PH) sekarang.

Bersikap terbuka

"Ini (prestasi) untuk membuat perbandingan dengan siapa? Adakah hendak buat perbandingan dengan (pentadbiran) Najib (Datuk Seri Najib Razak)?" katanya dalam temu bual khas bersama beberapa editor kanan media tempatan, di pejabatnya di Putrajaya, baru-baru ini.

Pada 13 November lalu, Dr Mahathir dalam temu bual dengan *The Straits Times Singapore* berkata, beliau bersikap terbuka untuk melakukan rombakan Kabinet jika menerima pencalonan baharu daripada PKR, yang selesai mengadakan pemilihan ketika itu.

Sejak itu, tiada rombakan berlaku dan kini, giliran BERSATU mengadakan perhimpunan, tetapi tiada pemilihan untuk jawatan dalam parti.

Sebelum ini, bekas pemim-

pin kanan UMNO, Datuk Seri Mustapa Mohamed, yang kini ahli BERSATU disebut-sebut bakal dilantik ke dalam Kabinet.

Masih baharu

Ditanya sama ada beliau akan terus memimpin BERSATU setelah tiada lagi menjadi Perdana Menteri suatu hari nanti, Dr Mahathir berkata:

"Saya akan terus menjadi Pengerusi BERSATU kerana saya masih Ahli Parlimen. Saya cuma tidak jadi Perdana Menteri saja."

Mengenai penilaiannya terhadap pemimpin BERSATU dalam Kabinet, beliau berkata mereka masih baharu.

"Ada antara mereka datang berjumpa dengan saya untuk mendapatkan nasihat.

"Adakala mereka ini teruja dan membuat kenyataan yang tidak berapa baik untuk parti dan diri mereka sendiri.

"Kita tidak boleh harapkan orang baharu boleh menjadi pakar pada hari pertama mereka melaksanakan tugas masing-masing. Ada yang buat kesilapan, namun, perkara itu boleh kita perbetulkan," katanya.



Ini (prestasi) untuk membuat perbandingan dengan siapa? Adakah hendak buat perbandingan dengan (pentadbiran) Najib (Datuk Seri Najib Razak)?"

Dr Mahathir Mohamad,
Perdana Menteri